

## Kursus 'Developing Audio-video Services in Libraries' 12-14hb September 1983 di British Council, Kuala Lumpur

oleh  
Norehan binti Ahmad\*

Kursus 'Developing Audio-video Services in Libraries' yang telah diadakan selama tiga hari iaitu daripada 12-14hb September 1983 di Dewan British Council, merupai suatu kursus yang sungguh berfaedah. Seramai 30 peserta dari berbagai-bagai institusi telah mengambil bahagian dalam kursus ini. Kursus ini ialah anjuran bersama pihak British Council dan Persatuan Perpustakaan Malaysia.

Seorang pensyarah jemputan telah diundang untuk memberi ceramah mengenai alat-alat pandang dengar. Beliau ialah Encik Anthony Hugh Thompson dari College of Librarianship Wales, Aberystwyth. Beliau telah lama berkecimpung dalam arena alat-alat pandang dengar. Beliau juga menyokong penuh supaya diadakan satu bahagian alat-alat pan-

dang dengar di tiap-tiap perpustakaan.

Beberapa aspek mengenai alat pandang dengar telah dibincangkan. Perkara-perkara yang dibincangkan ialah:-

1. Kegunaan alat pandang dengar seperti mikrofon, pita kaset, video, 'overhead projector/transparencies'.
2. Cara pemeliharaan dan simpanan alat pandang dengar.
3. Sistem susunan alat pandang dengar.

Semasa kursus tersebut kertaskerja tidak dibentangkan kecuali rangka-rangka topik yang dibincangkan sahaja diedarkan kepada para peserta. Pada keseluruhannya, kursus ini telah dikendalikan dengan memuaskan. Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa kursus ini patut diadakan di pusat alat pandang dengar di mana para peserta boleh melihat dengan jelas alat-alat yang diperbincangkan itu.

---

\* Pegawai Perpustakaan, Bahagian Sirkulasi.